



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' SURIANI BINTI DATO' AHMAD  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PERASMIAN PENUTUP  
SEMINAR PERSEDIAAN DIRI KE ARAH KELUARGA CEMERLANG  
&  
PELANCARAN BUKU SMARTSTART EDISI BRAILLE.**

## **ANJURAN**

**PERSATUAN BAGI ORANG BUTA MALAYSIA (MAB)  
&  
LEMBAGA PENDUDUK & PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA  
(LPPKN)**

**TAMU HOTEL & SUITE KUALA LUMPUR  
18 MAC 2018**

## **SALUTASI (AKAN DISAHKAN PADA HARI MAJLIS)**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Tahun Memperkasa Wanita 2018,

- 1) Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita berkumpul di majlis Perasmian Penutup Seminar Persediaan Diri Ke Arah Keluarga Cemerlang dan Pelancaran Buku Smartstart Edisi Braille. Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan salam dan permohonan maaf daripada Yang Berhormat Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana tidak dapat hadir ke majlis ini dan saya telah diamanahkan untuk menyampaikan ucapan bagi mewakili beliau. Tahniah saya ucapkan kepada LPPKN dan Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia, atau MAB di atas penganjuran seminar ini dan juga pelancaran buku SmartStart Edisi Braille.
  
- 2) Saya pasti kita semua setuju bahawa keluarga adalah unit paling asas dalam pembentukan masyarakat dan

seterusnya dalam membentuk sesebuah negara. Oleh yang sedemikian, bagi memperkukuhkan institusi kekeluargaan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui LPPKN telah membangunkan Modul **SMART START** mulai tahun 2006. Modul ini mensasarkan kepada pasangan-pasangan muda yang baru mendirikan rumahtangga iaitu dalam lingkungan 5 tahun, memandangkan ia adalah terbukti daripada kajian dan statistik bahawa kes-kes perceraian banyak berlaku dalam lingkungan tempoh tersebut.

- 3) Melalui hasil Kajian Penduduk Dan Keluarga Malaysia Ke-5 (KPKM-5) oleh LPPKN jua, 56.2 peratus lelaki dan 38.0 peratus wanita membubarkan perkahwinan atas alasan tiada persefahaman. Dan yang lebih memeranjatkan, lebih daripada satu pertiga perkahwinan pertama yang berakhir dengan penceraian/perpisahan berlaku dalam tempoh kurang daripada 5 tahun. Pelbagai kesan negatif daripada perceraian akan terjadi, yang mana paling terkesan adalah anak-anak di mana emosi dan persekitaran mereka akan terjejas..

- 4) Saya berpandangan selain tolak ansur dan kesabaran yang tinggi, individu yang ingin berkeluarga perlu mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang mana antaranya boleh diperolehi melalui pembacaan dan menghadiri seminar kekeluargaan seperti Seminar Persediaan Diri Ke Arah Keluarga Cemerlang yang dianjurkan ini.
  
- 5) Saya juga difahamkan semua peserta didedahkan dengan cara untuk menangani punca perceraian dan keretakan rumah tangga dari awal dan seterusnya membuat persiapan sewajarnya untuk menempuh alam keibubapaan yang semestinya sangat mencabar. Adalah penting bagi bakal ibu bapa ini untuk memahami *parenting skills* yang terbaik dalam usaha untuk menghasilkan generasi muda yang baik sahsiah serta dapat menyumbang kepada masyarakat. Justeru itu, saya berharap agar semua peserta yang hadir dapat memanfaatkan ilmu yang dikongsi sepanjang program yang mana seperti objektif yang ditetapkan.

Hadirin yang dihormati,

- 6) Saya melihat bahawa adalah menjadi agenda penting Kementerian ini serta agensinya untuk membantu para ibu bapa dan pasangan muda membentuk sebuah institusi perkahwinan yang cemerlang dan seimbang, tanpa mengira golongan yang berupaya (abled body) atau yang kurang berupaya.
  
- 7) Oleh itu, saya amat berbesar hati apabila dimaklumkan bahawa kesemua 200 peserta seminar ini adalah merupakan golongan OKU penglihatan dan juga merupakan antara pengguna pertama buku SmartStart edisi Braille yang dikeluarkan oleh MAB.
  
- 8) Buku panduan edisi Braille ini dibangunkan khas untuk golongan OKU Penglihatan bagi sama-sama memperolehi bahan bacaan berkaitan ilmu perkahwinan dan pengukuhan kekeluargaan, selain mendapatkan maklumat daripada media elektronik serta sosial. Ini adalah bukti kukuh bahawa ilmu dalam bahan bacaan tidak terhad untuk orang upaya sahaja. Dengan wujudnya teknologi yang serba canggih dan cepat, golongan OKU juga dapat menikmati dan memperolehi ilmu sepertimana yang dinikmati oleh orang upaya.

- 9) Setakat awal Mac 2018, lebih kurang 11 ribu daripada 41 ribu orang OKU penglihatan berada di peringkat umur yang bakal mendirikan rumah tangga atau masih di awal perkahwinan. Oleh itu, dengan terhasilnya buku SMARTSTART edisi Braille ini, saya yakin ianya bakal memberi impak lebih positif kepada golongan OKU Penglihatan untuk melayari bahtera perkahwinan ke arah membentuk keluarga bahagia dan sakinah.
  
- 10) Saya juga ingin menarik perhatian hadirin sekalian tentang usaha dan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan melalui KPWKM dan agensinya dalam memastikan golongan OKU ini dapat menjalani kehidupan yang bermakna semaksima mungkin. Antaranya Malaysia telahpun menjadi ahli kepada Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Kurang Upaya pada 2010, pelaksanaan Akta Orang Kurang Upaya pada 2008 serta pewujudan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya untuk tempoh 2016 ke 2020. Melalui kerangka ini, KPWKM dengan kerjasama Kementerian dan agensi lain melaksanakan usaha berterusan untuk menjadikan persekitaran mesra

golongan OKU serta golongan rentan lain satu misi Negara yang harus tercapai.

Hadirin sekalian,

- 11) LPPKN juga menyasarkan untuk menerbitkan lebih banyak lagi bahan-bahan bacaannya dalam edisi Braille seperti tips-tips kekeluargaan, perkahwinan, penjagaan anak dan keselamatan keluarga. Buat permulaan, buku SMARTSTART edisi Braille akan diserahkan kepada MAB serta lima NGO lain selepas ini.
- 12) Saya juga ingin mewar-warkan terutama kepada pihak NGO agar mengambil peluang untuk mendapatkan khidmat nasihat LPPKN bagi tujuan melatih peserta dan pelatih di kalangan NGO sendiri untuk menjalankan program pra-perkahwinan SMARTSTART.
- 13) Penghujung kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada kedua-dua pihak iaitu Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara kerana berjaya menganjurkan program yang bermanfaat dan sangat berguna kepada semua, khususnya golongan OKU Penglihatan.

- 14) Semoga kolaborasi murni ini dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa dengan kerjasama padu semua pihak. Adalah menjadi kewajipan Kerajaan serta komuniti dan NGO untuk memberi ruang dan peluang sama rata kepada golongan OKU penglihatan dalam usaha mencapai status negara maju berpendapatan tinggi.
  
- 15) Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Penutupan Seminar Persediaan Diri Ke Arah Keluarga Cemerlang dan melancarkan Buku Panduan SMARTSTART edisi BRAILLE.**

Sekian, Wabillahhi taufif wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh.

Terima kasih.